

Luput kecewa sebab ada harapan jadi doktor



LALUAN PANJANG TAPI BERMAKNA: Encik Mohamad Fahamy Koenitz Iskandar gagal diterima ke Program Perubatan Siswazah Duke-NUS selepas empat kali bermohon tetapi atas saranan temannya kini menjalani kursus perubatan melalui program kembar Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU)-Universiti Queensland Australia. - Foto KHALID BABA

5 Jan 2015

HARYANI ISMAIL

IJAZAH bioperubatan sains telah pun dimiliki Encik Mohamad Fahamy Koenitz Iskandar setelah tamat pengajian di Universiti Nasional Singapura (NUS) pada 2006.

Bagaimanapun, di saat beliau ingin membangun kerjaya sebagai pengkaji di hospital, timbul pula keinginan menjadi doktor demi membantu orang. Rasa bosan duduk terperuk di makmal juga membelenggu mindanya.

Sayangnya selama empat tahun berturut-turut, permohonannya bagi menyertai Sekolah Perubatan Siswazah Duke-NUS menemui kegagalan.

Sekolah ini mengikut model pendidikan perubatan posbaccalaureat Amerika di mana pelajar memulakan pengajian perubatan mereka selepas menerima ijazah sarjana muda yang pertama.

Kerjasama terjalin antara Universiti Nasional Singapura (NUS) dengan Universiti Duke di North Carolina, Amerika Syarikat.

Encik Mohamad Fahamy, kini 33 tahun, hampir melupakan sahaja niatnya itu hinggalah beliau bertemu teman yang berjaya mencari alternatif lain. Mereka menyertai program kembar Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) yang berpangkalan di Kuala Lumpur sebelum melanjutkan pengajian di Universiti Queensland, Australia.

Sebagaimana cerita bapa dua anak yang ditemui selepas berkongsi pengalaman di Program Mendekati Perubatan Muslim 2015 di NUS kelmarin:

"Saya naik penat memohon. Tapi isteri kata, hidup hanya sekali saja. Saya boleh tolong orang serta memanfaatkan minda dan tangan saya. Maka saya pun hubungi Majlis Perubatan Singapura (SMC) bagi memastikan laluan panjang saya kelak diiktiraf."

Isterinya, Cik Noor Sarah Abdul Rahman, 29 tahun, seorang guru, adalah sumber motivasinya.

Encik Mohamad Fahamy menganggarkan sekitar \$129,000 diperlukan bagi biaya pengajian dua tahun di Queensland. Namun, beliau bersyukur sebahagian kos ini ditampung geran prapekerjaan MOH Holdings, Dana Pendidikan Muslim Singapura (SMEF), Biasiswa Dr Abdul Aziz Ali dan Yayasan Lee.

Program Mendekati Perubatan Muslim 2015 dianjurkan mahasiswa Sekolah Perubatan Yong Loo Lin NUS dengan kerjasama Persatuan Karyawan Penjagaan Kesihatan Islam (MHPA). Ia satu usaha memupuk kesedaran belia tentang tuntutan bidang perubatan.

Penolong Dekan Sekolah Perubatan Yong Loo Lin NUS, Profesor Madya Lau Tang Ching pula mengulas:

"Saya sentiasa berpesan kepada mereka yang berminat menyertai kursus perubatan di NUS tetapi gagal agar tidak mudah putus asa. Saingan memasuki NUS memang sengit tetapi ada alternatif lain mencapai cita-cita."